

iFSC2018 lahir saintis muda

Bangi: Persidangan International Future Scientists Conference 2018 (iFSC2018), baru-baru ini, berjaya mengumpulkan penyelidik muda daripada beberapa sekolah cemerlang di negara ini, termasuk sebuah sekolah dari Jepun dalam mengetengahkan penyelidikan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Dengan bertemakan Memperkasakan Penyelidik Muda, bakal saintis berkenaan didedahkan dengan penerokaan, perbincangan dan pembentangan penyelidikan dalam bidang STEM.

Pengarah Pusat Permata Pintar Negara (PERMATAPintar) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Noriah Mohd Ishak,

berkata persidangan itu boleh meningkatkan potensi penyelidikan dalam kalangan penyelidik muda memabatkan bakat, kreativiti dan idea cemerlang untuk meneroka bidang saintifik.

"Ini memberi pemahaman yang lebih baik, memperbaiki kemahiran pembentangan, komunikasi serta membina keyakinan mereka untuk cabaran masa hadapan.

Mewujudkan rangkaian

"Persidangan ini juga menyediakan platform untuk penyelidik muda bertukar idea, pengetahuan dan pengalaman, selain dapat mewujudkan peluang untuk bekerjasama dalam penyelidikan pada masa hadapan," katanya.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Asrama dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pendidikan (KPM), Aidie Jantan dan Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kamaruzaman Jaafar.

iFSC2018 yang diadakan selamat tiga hari di Pusat PERMATApintar Negara UKM itu disertai pelajar daripada sekolah berasrama penuh seperti Sekolah Tun Fatimah, Maktab Rendah Sains MARA, Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, Sekolah St John, Asasi Pintar UKM, Kolej PERMATApintar UKM dan Prefektur Shibata Wilayah Niigata, Jepun.

Sementara itu, Timbalan



iFSC2018 mengumpulkan penyelidik muda dalam mendedahkan kepada penerokaan, perbincangan dan pembentangan penyelidikan dalam bidang STEM.

Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof Datuk Dr Mohd Marzuki Mustafa, berkata peserta harus mengambil kesempatan untuk

mencari pengetahuan daripada projek penyelidikan lain dan dapat mewujudkan rangkaian dalam kalangan penyelidik generasi Z.

"Jangan takut untuk

mencuba perkara yang berbeza dan sentiasa berusaha untuk membentangkan penemuan hasil penyelidikan yang diperoleh," katanya.